

Lambakan gula bertapis cabaran MSM

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 21 OGOS**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menjangkakan 2019 mencabar buat kumpulan bertukaran lambakan gula bertapis dalam pasaran domestik di samping nilai ringgit yang semakin lemah.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, kos penapisan meningkat sebanyak 15 peratus berpunca daripada kenaikan kos bahan api disebabkan peningkatan tarif gas sejak Januari 2019.

Katanya, kadar penggunaan kapasiti yang rendah di MSM Johor sejak mula beroperasi

“Kami juga bercadang untuk mempelbagaikan perniagaan melalui produk-produk gula yang mempunyai nilai tambah untuk dieksport serta memacu pertumbuhan syarikat.”

KHAIRIL ANUAR AZIZ



pada April tahun ini turut menjejaskan lagi prestasi kewangan syarikat.

“Sejajar dengan komitmen berterusan kami untuk melancarkan aliran tunai, antara fokus

utama MSM pada 2019 termasuk melupuskan aset-aset bu-
bukan teras, mengurangkan lam-
bakan stok serta meningkatkan
kecekapan bagi mengurangkan
kos penapisan.

“Kami juga bercadang untuk mempelbagaikan perniagaan melalui produk-produk gula yang mempunyai nilai tambah untuk dieksport serta memacu pertumbuhan syarikat melalui potensi kejassama bersama pemain industri yang mempunyai reputasi bagi meluaskan jejak pasaran di peringkat global,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

MSM mencatat penurunan 14 peratus dalam hasil kepa-
da RM959.84 juta bagi sepa-
ruh pertama 2019, berbanding
RM1.12 juta pada tempoh sama
sebelumnya.

Ia berikutan beberapa fak-
tor terutama pengurangan
dalam harga jualan purata
(ASP) bagi gula bertapis, pe-
ningkatan kos bahan mentah

berikutan nilai ringgit yang
rendah, persaingan sengit
dalam pasaran di samping kos
melibatkan kilang penapisan
MSM di Johor.

Pada separuh pertama 2019,
MSM merekodkan pengurangan
dalam ASP sebanyak sembilan
peratus dan 13 peratus bagi sek-
tor domestik dan industri yang
berpunca daripada lambakan
bekalan gula.

Ini adalah kesan daripada
pengeluaran Permit Import (AP)
baharu dalam sektor perindus-
trian yang mengakibatkan ber-
lakunya persaingan harga.

Sementara itu, persaingan
tinggi dalam pasaran eksport
turut menyumbang kepada pe-
ngurangan sebanyak tiga per-
atus dan 21 peratus dalam kes-
luruhan ASP dan jumlah jualan.